

# Buletin



e-ISSN: 2600-8289

Safar 1446H/ Ogos 2024

# ACIS



# MALAYSIA MADANI

*Jiwa Merdeka*

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Erti Sebenarnya **Jiwa Merdeka** ialah Orang yang Bersabar dalam Mengawal Kemarahan



Oleh:

**Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Seremban



**Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Setiap orang yang diciptakan oleh Allah mempunyai pelbagai sifat dan kecenderungan yang berbeza-beza. Para nabi dan rasul pastinya orang yang paling sabar. Sabar adalah sifat mulia. Walaupun orang biasa tidak mampu mencapai tahap ketinggian ini, adalah baik untuk berusaha mengikuti langkah mereka.

Perasaan marah dan sifat sabar sangat berkait antara satu sama lain. Seseorang memerlukan tahap sabar yang paling tinggi untuk menahan perasaan marah. Kegagalan untuk mengawal kemarahan menunjukkan bahawa sifat sabarnya kurang dan lemah. Begitu juga sebaliknya, keupayaan untuk mengawal kemarahan menunjukkan bahawa seseorang itu mempunyai sifat sabarnya sangat tinggi.

Tidak semua marah adalah mazmumah, kerana marah yang mempunyai nilai mahmudah juga adalah suatu yang terpuji seperti kemarahan yang disebabkan oleh perbuatan dosa, keji atau maksiat, tetapi ia perlu dikawal supaya kemarahan itu tidak sampai ke tahap mazmumah dan boleh membinasakan.

Oleh kerana unsur api wujud dalam proses kejadian manusia, marah juga adalah sifat semula jadi manusia. Orang yang tidak mempunyai perasaan marah adalah mereka yang sensitiviti dirinya telah ditarik balik daripada mempunyai perasaan atau naluri. Didikan yang diterima baik melalui pengalaman, pergaulan hidup, dan kekuatan iman boleh membantu orang mengekalkan kawalan diri daripada sifat marah secara membuta tuli. Ia juga boleh dikaitkan dengan faktor genetik yang dibawa bersama semasa kelahiran manusia di alam maya ini.

Oleh itu, kemarahan ini perlu dikendalikan dan diurus dengan baik. Rasulullah SAW menggambarkan orang yang dapat mengendalikan marah mereka dengan bersabar

sebagai kuat dan berani. Ini dijelaskan oleh hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "*bukanlah orang yang kuat kerana ia kuat berlawan, tetapi orang yang kuat ialah orang yang mengawal dirinya ketika marah*" (Muttafaqun alaih).

Di sinilah letaknya neraca pertimbangan yang adil untuk mengawal emosi untuk mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku. Bermula dari kemarahan, ia boleh menyebabkan gejala lain yang lebih buruk seperti dendam, hasad dengki, bunuh membunuh dan sebagainya. Apabila seseorang dapat mengawal sifat marahnya dan menuju ke arah yang lebih mahmudah, seperti memaafkan, maka itulah yang paling utama.

Dalam satu hadith lain, Rasulullah SAW memberi kaedah bagi mengawal sifat marah daripada bermaharajalela. Seorang sahabat bernama Sulaiman bin Surad menceritakan bahawa ketika beliau sedang duduk bersama dengan Rasulullah S.A.W. terdapat dua orang lelaki sedang cela mencela satu sama lain dan salah seorang dari mereka kelihatan merah mukanya (kerana menahan kemarahan) dan tegang urat lehernya. Lantas Rasulullah S.A.W. menasihatkan pemuda tersebut supaya membaca "*a'auzubillahiminassyaitanirrajim*" kerana bacaan itu mampu menghilangkan perasaan marah yang melulu.

Ini menunjukkan bahawa sifat marah ini sebenarnya datang daripada syaitan kerana syaitan benar-benar mahukan permusuhan dan persengketaan di kalangan manusia. Syaitan menyalakan sifat marah ini supaya ia membawa kepada gejala lain seperti pembunuhan. Pintu hati manusia akan sedaya upaya dibuka dan disesatkan oleh syaitan terutama melalui sifat marah dan keinginan nafsu.

Oleh kerana kemarahan dikaitkan dengan gangguan syaitan dan makhluk ini diciptakan daripada api, kemarahan juga adalah unsur api yang perlu dihapuskan. Oleh itu, disarankan kepada orang yang sedang marah supaya berwudhu bagi menghilangkan amarah yang sedang menguasai diri.

Rasulullah SAW juga mengajar orang yang marah untuk mengubah tempat mereka. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "*apabila salah seorang daripada kamu marah sedang dia berdiri, maka hendaklah dia duduk sehingga perasaan marah itu hilang daripadanya, jika tidak maka hendaklah dia berbaring.*"

Rasulullah SAW memberikan pelajaran kepada para sahabatnya dengan menunjukkan contoh yang baik. Begitu juga, dalam hal mengawal kemarahan, Rasulullah sendiri menunjukkan bahawa bersabar dan mengawal kemarahan tidak semudah yang difikirkan oleh kebanyakan orang.

Sebagai contoh, bapa saudara Nabi iaitu Saidina Hamzah bin Abdul Mutalib terbunuh dalam peperangan Uhud kerana diupah oleh Hindun bin Utbah dan Jabir bin Mat'am kerana kematian saudaranya dalam peperangan Badar. Wahsyi, seorang hamba, telah diupah untuk membunuh Hamzah. Tombak yang disasarkan oleh Wahsyi tepat menembusi dada Hamzah, yang kemudiannya dirobek oleh Hindun. Tanpa belas kasihan, Hindun mengambil organ dalaman Hamzah. Walaupun kesalahan Hindun dan Wahsyi sangat besar, Rasulullah SAW masih memaafkannya kerana jiwa merdeka yang ada pada Rasulullah. Hati Baginda amat tulus, tanpa rasa marah atau dendam yang berpanjangan.

Dalam peperangan Uhud juga baginda ditimpa musibah apabila luka di bahagian muka dan patah giginya. Lantaran geram akan keadaan yang menimpa diri Rasulullah SAW ada sahabat yang bercadangan kepada baginda supaya berdoa kepada Allah agar ditimpa malapetaka kepada golongan musyrikin, namun Baginda tetap dengan tenang. Junjungan Besar Nabi SAW bersabda yang maksudnya *"sesungguhnya aku bukan diutus sebagai pengutuk, tetapi aku diutus sebagai pendakwah dan pembawa kasih sayang. Ya Allah, berilah petunjuk kepada kaumku kerana mereka adalah golongan yang tidak mengetahui"*.

Dalam peristiwa Pembukaan Kota Mekah, sekumpulan ramai orang Islam pimpinan Rasulullah SAW berangkat dari Madinah ke kota tanah tumpah darah yang mencatatkan pelbagai peristiwa suka duka kehidupan. Orang Islam dan Baginda sendiri dahulunya disakiti, diusir, dipulau, malah ada yang dibunuh oleh pembesar jahiliah Mekah. Kemasukan kaum muslimin semula ke Mekah dengan seribu kekuatan dan keberanian sehingga menggusarkan hati serta perasaan penduduk Mekah ketika itu dan ada yang tertanya-tanya sendiri apakah yang akan diperlakukan kepada mereka atas kejahatan mereka selama ini.

Baginda bertanya kepada penduduk Mekah *"apakah yang kamu akan kata dan apakah yang akan kamu sangka aku perlakukan kepada kamu?"*. Mereka menjawab *"kita adalah saudara"*. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda *"aku akan katakan kepada kamu sepertimana kata-kata saudaraku Nabi Yusuf "pada hari ini tidak ada cercaan terhadap kamu, mudah-mudahan Allah mengampuni kamu, dan Dia adalah Maha Penyayang di antara para penyayang"* Sabda Nabi lagi *"pergilah, kamu dibebaskan"*.

Sebagai motivasi, Rasulullah SAW sering menasihatkan para sahabatnya supaya banyak bersabar, kawal kemarahan dan berakhlak dengan akhlak pemaaf serta bertolak ansur. Baginda bersabda maksudnya *"sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan amat menyukai kemaafan. Sesiapa yang boleh memaafkan dengan penuh kekuatan, maka Allah akan memaafkannya di hari penuh kesusahan kelak"*.

Sesungguhnya kesabaran in mahal nilainya dan tinggi bayarannya, lantaran itulah pulangnya besar. Hasil daripada sifat sabar ini, Allah S.W.T menganugerahkan kejayaan kepada mereka yang bersabar. Sepertimana sabar dan redhanya kaum muslimin sepanjang perjuangan bersama-sama Rasulullah SAW akhirnya bumi Mekah berjaya diislamkan keseluruhannya, dan berkat kesabaran itu juga dengan Islam berjaya menguasai dua pertiga dunia sewaktu pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab dan tersebar ke seluruh pelosok alam. Berlakulah kemerdekaan yang besar kepada orang-orang Islam melalui peristiwa-peristiwa yang bersejarah itu.

Ketika berhadapan dengan pelbagai kegawatan emosi, gangguan psikologi dan provokasi, kesabaran adalah benteng yang kukuh. Dunia ini akan bebas daripada konflik, salah faham, huru hara dan kacau bilau jika hidup penuh dengan keharmonian dan kasih sayang.

Inilah hakikat sebenar mereka yang berjiwa besar dan merdeka. Ia tidak dikuasai oleh sifat marah, dendam dan seumpamanya. Jiwa merdeka inilah yang ada pada diri para sahabat yang bergerak ke seluruh pelusuk dunia menyebarkan Islam. Seharusnya ia menjadi suri tauladan dan contoh ikutan bagi melahirkan ummah yang berjiwa kental, bersemangat waja dalam menghadapi apa juga cabaran hidup. Seperti ungkapan masyhur Khalifah Umar al-Khattab *"Sesungguhnya kita adalah kaum yang dimuliakan oleh Allah dengan Islam, maka janganlah kita mencari kemuliaan dengan selainnya"*.